

PRESS STATEMENT

IDEAS: Let's bridge divides and get back to the business of governing

Kuala Lumpur, 16 August 2023: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) would like to congratulate Malaysians who voted in the six state elections for exercising their democratic right to elect their representatives in a generally fair, clean, and peaceful election. We also congratulate all coalitions that have won the rakyat's mandate to govern their respective states for the next five years.

"We urge all sides of the political divide to get back to the business of governing. We ask that all political parties should now focus on institutional reforms, policy making and good governance. Both government and opposition at federal and state levels play a pivotal role in ensuring the proper governance and administration of Malaysia and the respective states. Most importantly, there must be compromise, cooperation and synergy between both the federal and state governments in the formation and implementation of policies. The way forward for a true Malaysian federation is for all states to receive their fair share of allocations and resources, regardless of the coalition that governs the state," comments Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS.

There is now greater electoral contestation in Malaysian politics, which is positive in a healthy democracy. [Preliminary analysis](#) of election results suggest that even though there are some areas where some parties can claim victory, the overall results show that no party can rest on their laurels. Voters are now more willing to transfer their votes to a different party if their preferred party has failed to deliver. Gone are the days of single party dominance.

However, we note with concern that there is no opposition bloc in the Terengganu state legislative assembly (DUN). To ensure check and balance, we welcome Terengganu Menteri Besar YAB Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar's call to implement the [backbenchers system](#), where backbenchers must exercise greater vigilance in keeping the state government accountable.

Furthermore, we recommend that Parliamentary Select Committees be formed and institutionalised at the DUN level in all states. PSCs add another layer of check and balance, and can be a platform for civil society organisations (CSOs) and experts to provide inputs. This is a good time for state governments to demonstrate leadership in good governance.

“Given the current fluid and dynamic nature of Malaysian politics, all political parties should enact institutional reforms to minimise incumbency advantages. Regardless of whichever political party or coalition is in government, opposition representatives must be treated equitably as those in government. IDEAS urges all political parties to commit to passing the Political Financing Act (PFA) to ensure transparency and accountability in political financing. We would also like to see the enactment of the Constituency Development Fund Act (CDFA) at the state level to ensure transparent and equitable distribution of CDFs to all parties. Additionally, state governments should also commit to a more transparent budgeting process,” adds Dr Yeoh.

The greater need is to bridge the increasing divide between Malaysia’s different races, religions, regions, social classes, economic backgrounds and beliefs. Taking concrete action in this respect is challenging and complex, but must be committed to by all Malaysians. IDEAS remains ready to contribute in any way we can.

--- END ---

For enquiries, please contact:

Aira Azhari

Senior Research Manager
aira@ideas.org.my

Syazwan Zainal

Assistant Manager, Research
syazwan@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information visit www.ideas.org.my.

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS: Lupakan perpecahan dan kembali tumpu mentadbir negara

Kuala Lumpur, 16 Ogos 2023: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) ingin mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia yang mengundi dalam pilihan raya enam negeri kerana menggunakan hak demokrasi mereka untuk memilih wakil rakyat dalam pilihan raya yang secara amnya adil, bersih dan aman. Kami juga mengucapkan tahniah kepada semua gabungan yang telah memenangi mandat rakyat untuk mentadbir negeri masing-masing untuk lima tahun akan datang.

“Kami menggesa semua pihak untuk kembali menumpukan kepada urusan pemerintahan. Kami meminta semua parti politik kini perlu memberi tumpuan kepada pembaharuan institusi, penggubalan dasar dan tadbir urus yang baik. Kedua-dua kerajaan dan pembangkang di peringkat persekutuan dan negeri memainkan peranan penting dalam memastikan tadbir urus dan pentadbiran yang betul bagi Malaysia dan negeri masing-masing. Paling penting, perlu ada kompromi, kerjasama dan sinergi antara kedua-dua kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar. Langkah ke hadapan untuk persekutuan Malaysia yang sebenar adalah untuk semua negeri menerima bahagian peruntukan dan sumber mereka yang saksama, tanpa mengira gabungan yang mentadbir negeri,” ulas Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

Kini terdapat persaingan pilihan raya yang lebih besar dalam politik Malaysia, sesuatu yang positif dalam sebuah demokrasi yang sihat. [Analisis awal](#) keputusan pilihan raya menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa kawasan di mana sesetengah parti boleh menyatakan kemenangan, keputusan keseluruhan menunjukkan bahawa tiada parti yang boleh berpuas hati. Pengundi kini lebih bersedia untuk memindahkan undi mereka kepada parti lain jika parti pilihan mereka gagal melaksanakan tugas yang diberikan. Dominasi parti tunggal kini hanya tinggal sejarah.

Bagaimanapun, kami mengambil maklum dan merasa bimbang bahawa tiada blok pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu. Bagi memastikan semak dan imbang, kami mengalu-alukan saranan Menteri Besar Terengganu YAB Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar untuk melaksanakan [sistem backbenchers](#) (wakil rakyat bukan eksekutif), di mana *backbenchers* perlu lebih bersiap-sedia dalam pengawasan mereka bagi memastikan kerajaan negeri bertanggungjawab.

Kami juga mengesyorkan agar Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dibentuk dan diinstitusikan di peringkat DUN di semua negeri. JPKP menambah satu lagi lapisan semak dan imbang, dan boleh menjadi platform untuk organisasi masyarakat sivil

(CSO) dan pakar untuk memberikan input. Ini merupakan masa yang baik untuk kerajaan negeri menunjukkan kepimpinan dalam tadbir urus yang baik.

“Memandangkan sifat semasa politik Malaysia yang cair dan dinamik, semua parti politik harus melaksanakan reformasi institusi untuk meminimumkan kelebihan penyandang. Tanpa mengambil kira mana-mana parti politik atau gabungan yang membentuk kerajaan, wakil pembangkang harus dilayan secara saksama sebagaimana wakil kerajaan. IDEAS menggesa semua parti politik untuk komited dalam usaha meluluskan Akta Pendanaan Politik (PFA) bagi memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pendanaan politik. Kami juga ingin melihat penggubalan Akta Dana Pembangunan Kawasan Pilihan Raya (CDFA) di peringkat negeri bagi memastikan pengagihan CDF yang telus dan saksama kepada semua pihak. Selain itu, kerajaan negeri juga harus komited kepada proses belanjawan yang lebih telus,” tambah Dr Yeoh.

Keperluan yang lebih besar adalah untuk merapatkan jurang yang semakin meningkat antara kaum, agama, wilayah, kelas sosial, latar belakang ekonomi dan kepercayaan yang berbeza di Malaysia. Mengambil tindakan konkrit dalam hal ini adalah mencabar dan kompleks, tetapi mesti dilakukan oleh semua rakyat Malaysia. IDEAS tetap bersedia semampu boleh untuk menyumbang dalam apa jua cara.

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Aira Azhari

Pengurus Kanan Penyelidikan
aira@ideas.org.my

Syazwan Zainal

Penolong Pengurus Penyelidikan
syazwan@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.